

07 AUG 2002

Syed Hamid-Asean

USAHA TUBUHKAN SEKRETARIAT ASEAN+3 DI KL DITERUSKAN

Oleh: Mohd Kamel Othman

DENPASAR, 7 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka membangkitkan soal penubuhan Sekretariat Asean+3 di Kuala Lumpur apabila beliau mengadakan perjumpaan dengan pemimpin Indonesia dan Thailand di sini esok.

"Saya berharap Perdana Menteri akan meneruskan usaha untuk menjelaskan kepada Thaksin dan Megawati apabila mereka berjumpa di sini esok," kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar pada persidangan media dengan wartawan Malaysia di sini, hari ini.

Dr Mahathir yang tiba di sini petang ini untuk lawatan kerja dua hari akan mengadakan pertemuan dua hala dengan Presiden Indonesia Megawati Sukarnoputri.

Perdana Menteri Thailand Thaksin Shinawatra juga akan berada di sini untuk menyaksikan majlis menandatangani perjanjian tiga hala membabitkan Malaysia, Indonesia dan Thailand untuk mengawal harga dan pasaran komoditi getah supaya ketiga-tiga negara pengeluar itu tidak terjejas.

Majlis menandatangani perjanjian tiga hala itu diadakan sempena pertemuan Dr Mahathir dan Megawati.

Menurut Syed Hamid, niat Malaysia supaya Sekretariat Asean+3 diadakan di Kuala Lumpur bukan bertujuan untuk mengalihkan kepentingan Sekretariat Asean di Jakarta.

Sebenarnya, kata beliau, Asean+3 ialah untuk memperkukuhkan tumpuan Asean kepada bidang-bidang yang melibatkan kerjasama dalam konteks Asean kerana Asean mempunyai banyak perkara untuk dibincangkan dan Asean+3 meliputi bidang terasing daripada Asean sendiri.

"Ia bukan menjadi satu persaingan tetapi dokongan kepada usaha-usaha kita dalam konteks Asean dan Asean+3," katanya.

Asean dianggotai oleh Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Pada tahun lepas, Malaysia telah menyuarakan cadangannya untuk menjadi tuan rumah kepada Sekretariat Asean+3 di Kuala Lumpur pada mesyuarat Asean di Brunei.

Memandangkan idea itu diilhamkan oleh Dr Mahathir, Malaysia berharap diberi peluang untuk menjadi tuan rumah kepada sekretariat berkenaan. Asean+3 merujuk kepada pertubuhan serantau itu serta rakan-rakan dialog China, Jepun dan Korea Selatan.

Bagaimanapun, cadangan mengenai penubuhan Sekretariat Asean+3 itu di Kuala Lumpur ditolak pada Mesyuarat Peringkat Menteri Asean (AMM) di Brunei minggu lepas.

Syed Hamid berkata masa depan Asean banyak bergantung kepada kerjasama Asean+3 dan oleh itu negara-negara rantau ini sepatutnya menyambut baik keinginan China, Jepun dan Korea Selatan yang mahukan kerjasama erat di Asia Timur.

Menurut beliau, niat Malaysia untuk menawarkan bantuan AS\$10 juta (RM38 juta) serta menanggung perbelanjaan sekretariat itu di Kuala Lumpur selama lima tahun tidak seharusnya diragui.

Beliau berharap Indonesia, sebagai sebuah jiran yang terdekat, akan memberikan sokongan terhadap cadangan penubuhan Sekretariat Asean+3 di Kuala Lumpur apabila kedua-dua pemimpin negara itu bertemu esok.

"Saya faham dalam Asean kita perlu membuat sesuatu langkah demi langkah tetapi ada langkah yang cepat dan ada langkah yang perlahan. Dan dalam hal ini, kita telah berbincang begitu lama dan kita telah melihat

bahawa sekarang Asean+3 bukan satu impian tetapi memang ada projek-projek yang khusus."

"Oleh itu, mengapa tidak kita institusikan Asean+3 dan berharap ia dapat dibangkitkan oleh Perdana Menteri," tegas beliau.

Beliau berkata Malaysia membuat cadangan itu selepas melihat aktiviti-aktiviti Asean+3 merangkumi semua bidang termasuk mesyuarat tahunan oleh Menteri-menteri ekonomi, Pelancongan, Pertanian serta pegawai-pegawai kanan dari Asean.

"Kita berasa kecewa (mengenai penolakan cadangan itu di Brunei) tetapi kita tahu dalam usaha diplomasi bukan semua boleh menjadi kenyataan dengan cepat. Kita tidak ada tongkat sakti untuk menukar fikiran orang dengan cepat tetapi kita akan berusaha kerana semuanya adalah rakan-rakan kita dalam Asean," tambah beliau.

-- BERNAMA

MKO MAM PR